

22 MAY 2003

DEWAN-PELUANG

DPIMNK RANCANG PROGRAM PERNIAGAAN KEPADA AHLI

KOTA BAHARU, 22 Mei (Bernama) --Dewan Perdagangan Islam Malaysia Negeri Kelantan (DPIMNK) sedang menyusun program perniagaan yang melibatkan anggota-anggotanya bertujuan untuk meningkatkan peluang ekonomi mereka.

Pengerusinya Datuk Paduka Alias Hussin berkata, bagi mencapai hasrat itu, kursus-kursus asas perniagaan dan kewangan akan diadakan dari masa ke semasa dan anggota-anggota wajib mempunyai lesen kontraktor kelas 'F' sebelum memulakan perniagaan.

"Walaupun ahli mempunyai modal tetapi tanpa pengalaman tidak mudah untuk mereka memulakan perniagaan dengan baik dalam dunia penuh cabaran ini," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Alias yang juga pengerusi Eksekutif Alias and Co memegang jawatan pengerusi DPIMNK pada April lepas daripada Datuk Ahmad Omar. Dewan itu mempunyai keanggotaan 280 orang.

Alias berkata selepas mengikuti program itu, anggota DPIMNK juga akan dipastikan mendapat peluang perniagaan daripada agensi-agensi kerajaan dan ini yang akan dipantau oleh DPIMNK.

Beliau mengeluh kerana kekurangan peluang perniagaan di negeri ini dan sekiranya keadaan itu berterusan boleh menyebabkan peniaga-peniaga terpaksa "gulung tikar" serta berhijrah ke negeri lain untuk mencari peluang masing-masing.

"Perkara ini perlu difikirkan bersama kerana ia boleh mengakibatkan golongan bumiputera yang mempunyai kelayakan dan pengalaman terpaksa berhijrah ke negeri lain," katanya.

Berhubung pakej strategi baru ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam, Alias berkata langkah itu amat dialu-alukan kerana ia dapat membantu rakyat di peringkat bawahan.

Katanya kebanyakan golongan berpendapatan rendah dan sederhana akan mendapat kemudahan daripada pakej itu dan ini membuktikan kerajaan prihatin terhadap golongan berkenaan. -- BERNAMA

ANM RAR OS